

Galeri Arkeologi Guar Kepah tarikan pelancongan prasejarah di NCER

Projek mampu jadi sumber pendapatan baharu penduduk

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas: Penubuhan Galeri Arkeologi Guar Kepah akan menambah tarikan pelancongan prasejarah di Wilayah Koridor Utara (NCER), khususnya produk berasaskan warisan, ilmu dan penyelidikan.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata galeri berkenaan bukan sekadar projek fizikal tetapi juga inisiatif pembangunan ekonomi menyeluruh meliputi penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan kegiatan ekonomi masyarakat serta pembukaan sumber pendapatan ba-

haru kepada penduduk setempat.

Katanya, projek dengan peruntukan RM10 juta itu mencerminkan sokongan Kerajaan Persekutuan terhadap usaha kerajaan negeri membangunkan produk pelancongan berasaskan warisan dan khazanah prasejarah negara.

"Guar Kepah bukan sekadar tapak bersejarah atau prasejarah, sebaliknya khazanah per-

adaban yang menyimpan bukti kewujudan komuniti awal serta perjalanan panjang pembentukan masyarakat di rantau ini.

"Kita melihat keperluan untuk membangunkan produk pelancongan berasaskan prasejarah di Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada usaha mempelbagai ekonomi pelancongan, khususnya di NCER," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peras-

Guar Kepah bukan sekadar tapak bersejarah atau prasejarah, sebaliknya khazanah peradaban yang menyimpan bukti kewujudan komuniti awal serta perjalanan panjang pembentukan masyarakat di rantau ini

Akmal Nasrullah Mohd Nasir,
Menteri Ekonomi



Galeri Arkeologi Guar Kepah di Kepala Batas.

mian Galeri Arkeologi Guar Kepah yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, semalam.

Pelancongan prasejarah

Akmal Nasrullah berkata, pembangunan galeri itu dijangka menghubungkan rantaian pelancongan prasejarah di utara Semenanjung, merangkumi Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Lembah Lenggong di Perak, Galeri Arkeologi Guar Kepah di Pulau Pinang serta Sungai Batu di Kedah.

Beliau berkata, usaha berkenaan selari dengan strategi mempelbagai produk pelancongan negara ke arah segmen bernilai tinggi yang menyasarkan pencinta sejarah, penyelidik warisan, golongan akademik serta pelajar dari dalam dan luar negara.

Katanya, projek berimpak tinggi seperti Galeri Arkeologi Guar Kepah wajar diperluas di bawah

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi mengimbangi pertumbuhan wilayah serta memperkukuh pembangunan luar bandar secara inklusif dan lestari.

Galeri Arkeologi Guar Kepah ialah kemudahan di tapak eks-kavasi Bukit Cengkerang bersejarah dan diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Galeri itu dibangunkan menerusi kerjasama strategik antara NCER, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Antara tarikan utama galeri ialah pameran 'Penang Woman' iaitu rangka Neolitik lengkap pertama yang ditemui di Malaysia, selain tulang rangka yang sebelum ini disimpan di Belanda dan berjaya dibawa pulang hasil kerjasama Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Luar Negeri bersama pihak berkuasa Belanda.